

NO. SOALAN : 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS
MOJIGOH**

TARIKH : 25 MAC 2015 (RABU)

SOALAN :

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA
MENTERI**

menyatakan :-

- a) Keberkesanan Program Transformasi Negara ke atas Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan kerajaan; dan
- b) ke atas agensi-agensi Kerajaan

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI IDRIS JALA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Program Transformasi Negara (NTP), merupakan usaha bersepadu yang terdiri daripada komponen-komponen dimulai dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Politik (PTP), Program Transformasi Komuniti (CTP), Program Transformasi Sosial (STP) dan Program Transformasi Fiskal (FTP).

Sememangnya proses penggubalan dasar-dasar pembangunan sesebuah negara adalah kompleks, semuanya dirangka, disusun dan dipermudahkan dalam komponen-komponen tersebut supaya dapat digembleng oleh semua pihak dengan lebih terancang dan berstrategi. Jika dirangkum, keseluruhan program ini tidak lain dan tidak bukan bagi memandu Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

Jika ditinjau, sekiranya GTP 1.0 direka khusus untuk mentransformasikan sistem dengan memperkenalkan langkah-langkah baharu, demi meningkatkan kualiti perkhidmatan awam, GTP 2.0 pula dijayakan melalui peningkatan produktiviti dan inovasi dari pihak yang terlibat. Keberkesanan NTP dapat dilihat dan dirasai melalui sistem penyampaian awam yang cekap, jitu dan telus.

Oleh itu, di bawah Program Transformasi Negara (NTP), setiap Menteri Kabinet telah diberikan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian yang khusus di bawah skop kementerian masing-masing yang merangkumi Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA). Pendekatan yang berstruktur telah digunakan untuk membangun dan menguruskan KPI Menteri yang bertujuan untuk mengukur hasil penyampaian untuk setiap inisiatif di bawah komponen-komponen NTP. MKPI dibangunkan berdasarkan kepada visi dan misi Kementerian mengambilkira rangka kerja antaranya melaksanakan aktiviti mengikut pelan pelaksanaan, pemantauan prestasi KPI, penilaian prestasi Perdana Menteri serta Menteri-Menteri dan ganjaran akibat serta tindakan. Semua KPI ini dimasukkan ke dalam Kad Skor Menteri yang bertujuan menanam budaya akauntabiliti yang boleh diukur terhadap barisan pemimpin tertinggi dalam kerajaan. Kad Skor Menteri ini juga mewakili penilaian keseluruhan sumbangan Menteri dalam NTP, dan memastikan halangan boleh dikenalpasti dan diselesaikan dengan kadar segera. Namun begitu, sebahagian besar KPI ini juga dilanjutkan kepada Timbalan-Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha Kementerian serta agensi-agensi Kerajaan lain yang terlibat sama dalam memastikan sasaran KPI tercapai dan terlaksana dengan jayanya.

Dalam pada itu, MKRA ini diujarkan secara rapi dengan matlamat keseluruhan GTP, iaitu menambah baik penyampaian perkhidmatan awam ke arah merealisasikan falsafah "1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Inti pati MKRA ialah aspirasi untuk terus mentransformasikan dan memperbaiki cara bekerja dalaman dan struktur berkaitan dengan birokrasi atas ke bawah (dengan izin "top-down") Kerajaan supaya menjadi sistem yang berteraskan rakyat serta prestasi. Ia merupakan sebuah pendekatan terhadap komitmen dan pemilikan

(dengan izin "ownership") kementerian, yang turut menyampaikan mesej penting bahawa proses transformasi harus bermula dan dirintis oleh barisan kepimpinan tertinggi negara.

Jika dilihat, dari tahun 2011 hingga 2013, terdapat peningkatan terhadap pencapaian keseluruhan Menteri. Pada tahun 2013, 87.4% daripada 606 KPI telah mencapai sasaran berbanding dengan tahun 2012 di mana 86.5% daripada 703 KPI dan 83.6% daripada 660 KPI pada tahun 2011. Ini sekaligus menunjukkan kejayaan NTP yang telah menepati sasaran setiap tahun sejak diperkenalkan hasil usaha penyampaian awam yang meningkat dan produktif di samping pembaharuan yang dapat dilihat hasil transformasi politik dan sosial yang berjalan seiring.

Secara spesifiknya, antara kejayaan MKRA ialah usaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Luar Negeri yang membawa impak positif kepada negara dan rakyat sepanjang 2013.

Usaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan adalah untuk meningkatkan bilangan pelancong ke Malaysia dan perbelanjaan wang dalam negeri melalui pertukaran wang asing, membuah hasil apabila industri itu menyumbang RM51.5 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK). Ia merupakan hasil pencapaian cemerlang yang melebihi jangkaan bagi tahun 2013, dengan jumlah pendapatan pelancongan sebanyak RM65.44 bilion melebihi sasaran awal RM65 bilion.

Pertumbuhan 8.1 peratus daripada RM60.56 bilion pada 2012 merupakan peningkatan nilai pendapatan sebanyak RM4.89 bilion daripada pertukaran wang asing. Walaupun menghadapi tahun yang

mencabar, ketibaan pelancong turut meningkat 2.7 peratus kepada 25.7 juta ketibaan berbanding 25 juta ketibaan pada 2012.

Program homestay pula menjana pendapatan pelancongan sekitar RM21.5 juta bagi ekonomi luar bandar pada 2013, dengan peningkatan penyertaan sebanyak 7.9 peratus iaitu 350,954 pelancong berbanding 325,258 pelancong pada 2012.

Sementara itu, jumlah hasil cukai pada 2013 mencatatkan peningkatan RM4.3 bilion daripada kutipan pada 2012 sebanyak RM151.6 bilion, hasil inisiatif Kementerian Kewangan. Ekonomi Malaysia telah mencapai pertumbuhan pada kadar 4.7 peratus berbanding unjuran peningkatan antara 4.5 peratus dan lima peratus. Peratusan hasil cukai kepada Keluaran Dalam Negara Kasar adalah sebanyak 15.8 peratus pada 2013.

Dalam pada itu, peranan utama Kementerian Luar Negeri dalam memastikan kepentingan negara dilindungi dan dipertahankan di peringkat antarabangsa direalisasikan melalui galakan terhadap Gerakan Kesederhanaan Global (GMM).

Bukti jelas terhadap kejayaan Malaysia dalam usaha menggalakkan GMM di peringkat antarabangsa adalah penerimaan yang meluas konsep ini oleh negara lain termasuk Amerika Syarikat, Rusia, China dan Korea Selatan sehingga Malaysia kini semakin dikenali sebagai sebuah neagara sederhana yang stabil, selamat dan aman.

Pada 2013 juga Malaysia juga telah berjaya dilantik untuk jawatan dan keahlian di pelbagai pertubuhan antarabangsa antaranya pengerusi

Platform Dasar Sains Antara Kerajaan untuk Biodiversiti dan Perkhidmatan Ekosistem 2013-2015, ahli Majlis Pertubuhan Makanan dan Pertanian 2014-2017 dan ahli Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa kategori C 2014-2015.

Malaysia sekali lagi telah diberi penghormatan dan dilantik sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Di samping itu, dengan pemilihan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dijangka mampu menyemarakkan perkembangan rantaian ekonomi Negara sekaligus menunjukkan keberkesanan NTP yang didukung oleh Kerajaan.

Di persada dunia pula, kita boleh berasa bangga, kerana buat dua tahun berturut-turut, negara kita telah menduduki tempat 20 teratas dalam Indeks *Ease of Doing Business* oleh Bank Dunia, seterusnya kedudukan ke-18 untuk 2015 dan ke-20 pada tahun 2014.

Oleh demikian, peningkatan kejayaan-kejayaan di bawah NTP juga merupakan peningkatan hasil penyampaian awam yang cekap yang merupakan pemangkin bagi memacu inisiatif-inisiatif di bawah komponen-komponen NTP.

Keberkesanan NTP juga dapat dilihat melalui pelbagai inisiatif agensi-agensi kerajaan, antaranya adalah:

Hospital-Hospital Kerajaan – LEAN Penjagaan Kesihatan

Di Pusat Rawatan Onkologi di Hospital Sultan Ismail, Johor, masa menunggu pesakit kanser kepala dan leher untuk menerima rawatan radioterapi selepas didiagnosis menghidap kanser telah dikurangkan

daripada 120 hari kepada 30 hari, sejajar dengan piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Selain itu, di Klinik Pakar Ortopedik di Hospital Sultan Ismail, Johor, masa menunggu purata 115 minit untuk pesakit berjumpa doktor telah dikurangkan kepada 62 minit iaitu 53% penurunan masa menunggu. Jabatan Kecemasan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang pula telah menaikkan jumlah pesakit Zon Hijau, iaitu pesakit yang tidak kritikal, dirawat dan dilepaskan dalam masa kurang daripada dua jam oleh tiga kali ganda iaitu dari 18% daripada semua pesakit Zon Hijau kepada 70%.

Jabatan Kerja Raya - Papan Tanda Jalan di Daerah Kuantan

Penggunaan papan tanda baru dalam projek jalan raya papan tanda di Daerah Kuantan telah membawa kepada pengelakan kos kira-kira RM8.2 juta. Satu kajian selepas pelaksanaan menunjukkan bahawa 92% daripada pengguna jalan raya tempatan di Kuantan berpuas hati dengan standard baru papan tanda jalan raya dan 80% responden bersetuju bahawa penggunaan tanda jalan telah membuat ia lebih mudah bagi mereka untuk menavigasi lalu lintas.

Agensi MADA - Peningkatkan Pengeluaran Padi di Kawasan Muda

Proses kelulusan untuk memperoleh tanah untuk membina infrastruktur pengairan tinggi telah dikurangkan daripada 29 bulan kepada 11 bulan dengan sokongan 11 agensi persekutuan dan negeri dan entiti komersial. Ini dijangka akan menggandakan pengeluaran padi di kawasan Muda pada tahun 2020 dan meningkatkan pendapatan yang dianggarkan sebanyak RM1 bilion.

Ternyata, keseluruhan keberkesanan NTP dapat dilihat dan dirasai di pelbagai peringkat yang lahir dari hasil usaha peningkatan penyampaian awam yang cekap, jitu dan telus yang merupakan pemangkin bagi memacu inisiatif-inisiatif di bawah komponen-komponen NTP.

Sekian, terima kasih.